



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
BIL.3/2019**

**LOBI ATRIUM,
ARAS G, MENARA SERI WILAYAH
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

1 JULAI 2019 (ISNIN) / JAM 1.00 PETANG

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

(Senarai Salutasi akan dibekalkan kemudian)

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

1. Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izinNya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini 27 Syawal 1440H bagi Majlis Perhimpunan Bulanan serta Majlis Aidilfitri Kelab Kebajikan, Sukan & Rekreasi dan Puspanita Kementerian Wilayah Persekutuan 2019.
2. Saya rasa tidak terlewat rasanya untuk saya mengucapkan “Selamat Hari Raya Aidilfitri” khususnya kepada semua YB Menteri dan YB Timbalan Menteri, warga Kementerian Wilayah Persekutuan, Jabatan, Agensi serta semua tetamu yang hadir pada hari ini.

3. Ucapan tahniah dan terima kasih juga diucapkan buat pihak penganjur yang diketuai oleh Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi KWP serta Puspanita KWP kerana komitmen yang tinggi dalam usaha menyatu idea dalam memastikan program ini berlangsung serta terlaksana dengan jayanya.

KEINSAFAN RAMADHAN & KESYUKURAN SYAWAL

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian,**

4. Sesungguhnya, 30 hari berpuasa di bulan Ramadan mengajar kita banyak perkara. Kita dilatih melawan nafsu, mulut dihalang dari mengumpat dan mengeji, telinga dan mata pula dipastikan tidak mendengar dan melihat perkara-perkara yang haram.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian,**

5. Dan hari ini genap 27 hari Syawal kita raikan, walaupun Ramadan telah kita tinggalkan namun iktibar dan pengajaran daripada bulan mulia itu hendaklah kekal menjadi ingatan dan amalan kita.

6. Alhamdulillah bagi negara kita, kita dapat menyambut Syawal ini dengan berbagai-bagai acara terutama sekali dalam bentuk Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri. Keinsafan dan kesyukuran, kerana ramai lagi umat Islam terutama sekali negara-negara lain yang menderita. Carilah sahaja di satu sudut di Putrajaya, Kuala Lumpur atau Labuan, pasti ada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di sana dan di sini. Ini merupakan satu tradisi yang amat unik bagi negara kita.

7. Namun, di Aidilfitri inilah kesempatan terbaik sekali untuk saling melupakan semua perselisihan dan persengketaan seterusnya mengukuhkan kerjasama di antara satu sama lain terutamanya dalam jabatan dan agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Ambillah peluang ini untuk kita saling bermaaf-maafan dan mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin.

8. Bak kata orang dulu-dulu, sempena hari baik bulan baik, kita buanglah yang keruh, kita ambillah yang jernih. Di musim perayaan ini, marilah kita bersatu sebagai sebuah keluarga di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan agar dapat menjadi contoh kepada Kementerian dan Jabatan lain.

PELANCARAN DASAR BAHARU, PORTAL BAHARU DAN APLIKASI TELEFON MUDAH ALIH (*MOBILE APPS*) RESIDENSI WILAYAH.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Dikesempatan ini,

9. Kementerian Wilayah Persekutuan tetap memberi fokus terhadap penyediaan rumah mampu milik yang lebih selesa di Wilayah Persekutuan. Mulai 1 Februari 2019, pelaksanaan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) telah ditambah baik dan dijenamakan semula sebagai Residensi Wilayah. Dasar Residensi Wilayah telah diluluskan pada 13 Mei 2019 untuk digunapakai menggantikan Dasar RUMAWIP.

10. Dasar Baharu Residensi Wilayah telah membuat penambahbaikan yang antaranya ialah menetapkan keluasan minima 900 kaki persegi berbanding 800 kaki persegi sebelum ini. Kediaman Residensi Wilayah yang ditawarkan adalah memenuhi keperluan rakyat dalam lingkungan harga yang mampu dibiayai. Oleh itu, saya menetapkan supaya pemaju-pemaju perumahan membangunkan Residensi Wilayah dengan keluasan 900 kaki persegi namun masih mengekalkan harga supaya tidak melebihi RM300,000. Kepadatan sesebuah projek juga ditetapkan untuk densiti maksimum sehingga 1,000 unit orang seekar.
11. Selain itu, penyediaan kemudahan gunasama juga telah ditambah baik meliputi penyediaan pejabat pengurusan, lot kedai, bilik pengurusan jenazah, dobi, bilik bacaan dan bilik pengurusan *Joint Management Body (JMB)* atau *Management Corporation (MC)*.

12. Bagi menjamin kualiti binaan Residensi Wilayah, pengiktirafan QLASSIC diwajibkan supaya kualiti pembinaan projek berada pada tahap yang tertinggi dan memberikan kepuasan kepada para pembeli.

13. Syarat kelayakan permohonan Residensi Wilayah juga telah ditambah baik iaitu : Sebelum ini umur pemohon yang ditetapkan adalah 18 tahun dan ke atas. Syarat ini ditambah baik kepada sekurang-kurangnya berumur 21 tahun dan ke atas supaya pemohon telah bersedia untuk membiayai kos rumah yang dibeli dan kos sara hidup yang lain.

14. Turut ditambah baik adalah proses permohonan melalui portal Residensi Wilayah yang menggantikan portal RUMAWIP sedia ada. Portal Residensi Wilayah yang mesra pengguna dengan menggunakan aplikasi

mobile apps dan lain-lain penambahbaikan yang memberi kemudahan kepada pemohon serta warga Wilayah Persekutuan.

15. Pada masa kini, elemen infografik, mesra pengguna dan responsif kepada peranti pintar seperti *iphone*, *ipad* dan *tablet* menjadi tarikan utama kepada pengguna untuk melayari laman web untuk mendapatkan info dan maklumat terkini terutamanya mengenai projek-projek perumahan.

16. Saya selaku Menteri Wilayah Persekutuan yang bertanggungjawab kepada Wilayah Persekutuan amat berharap supaya usaha-usaha untuk membantu rakyat terus mendapat kerjasama yang baik daripada warga Kementerian, pihak swasta/pemaju serta jabatan dan agensi Kerajaan. Status pencapaian keseluruhan pelaksanaan

Residensi Wilayah adalah sebanyak 47,889 unit daripada 70 projek. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat.

PENUTUP

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian,**

17. Akhir kata, dengan lafaz

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

**saya dengan ini merasmikan Dasar Baharu,
Portal Baharu dan Aplikasi Telefon Mudah
Alih (*Mobile Apps*) Residensi Wilayah.**

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima kasih.**